

27/06/2004

`Saya belajar dari sejarah'

By Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin

KETIKA Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengambil alih jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri, dua Naib Presiden Umno iaitu Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, dilihat pesaing untuk mengisi kedudukan Timbalan Perdana Menteri. Namun, apabila Najib dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin menjadi orang pertama yang menyuarakan cadangan supaya kedudukan Najib turut disahkan sebagai Timbalan Presiden Umno tanpa ditandingi mana-mana pihak.

Wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT dan ZIAUDDIN SHARUDDIN, menemui Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di kediamannya di Bukit Damansara, di ibu negara lewat petang kelmarin untuk berkongsi perasaan serta survival politiknya dalam parti di samping pandangan terhadap sistem kuota pencalonan yang pernah menyaksikan beliau hampir tersisih daripada pertandingan.

RAMAI ingin tahu perasaan Tan Sri apabila tidak dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri walaupun pada mulanya Tan Sri dikatakan antara calon pilihan yang disebut-sebut menduduki jawatan itu?

Perasaan saya? Sebagai manusia biasa, kalau mengharapkan sesuatu apabila tak dapat akan rasa kecewa, itu biasa! Namun tidaklah sampai hendak membawa diri dan menghancurkan parti, itu bukan saya. Saya menerima kenyataan kerana sentiasa berpegang kepada qada dan qadar, takdir serta rezeki yang ditetapkan Allah. Apabila sudah diputuskan begitu, di luar dugaan banyak pihak, saya tampil memberi sokongan walau ada yang meragui tetapi saya tetap dengan pendirian menyokong malah berulang kali.

Selepas itu, saya juga menyuarakan supaya jawatan Timbalan Presiden tidak ditandingi sebab saya nak jadi ahli parti yang baik dan mahu menunjukkan bahawa masing-masing ada tanggungjawab walau di mana kedudukan dan jawatan yang diberi sekali pun kerana tidak semua Naib Presiden akan jadi Timbalan dan Perdana Menteri. Kita boleh lihat daripada sejarah Umno, ia adalah kenyataan. Setakat ini, hanya lima Perdana Menteri walaupun belasan yang sudah menjadi Naib Presiden. Lagi pun, kita kena terima realiti politik kerana yang penting keputusan dibuat oleh Presiden mengikut kehendaknya dan kita kena akur.

Dalam prinsip kepemimpinan, kita kena terima keputusan pemimpin, tentu dia ada pertimbangan yang wajar kenapa dia buat keputusan begitu, kita boleh pertikai dan bertanya tetapi keputusan adalah haknya. Apabila dia sudah buat keputusan, apakah kita nak bawa hati atau rasa kecewa, deploy bala tentera atau penyokong supaya buat perkara yang boleh menyebabkan kerosakan. Kita telah lihat ini dalam sejarah Umno selepas parti diharamkan.

Saya tidak fikir, saya mahu menjadi seperti itu. Saya sudah belajar dari sejarah dan implikasinya kerana bagi saya yang penting, adalah parti mesti kuat dan terus kukuh. Siapa pun yang berada di atas itu penting tetapi kita tidak boleh menganggap diri kita terlalu penting sehingga kalau tak ada kita tak boleh buat apa-apa.

(END)